

# Zakri perlu ikuti latihan

Harian (M)

4 APR 1989

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mewajibkan juara silat Kelas D kebangsaan, Zakri Ibrahim, mengikuti latihan pusat peringkat keenam, di Kuala Lumpur, pada Jun ini. **PENCAR 19/1/87**

Berikutan itu, Pesaka akan memohon rasmi kepada Pegawai Memerintah Pusat Latihan Polis Air Hitam (PULAPAH), Negeri Sembilan, bagi membolehkan Zakri mengikuti latihan berkenaan.

Selain Zakri, 28 pesilat Sukan SEA diwajibkan mengikuti latihan peringkat terakhir, yang disifatkan sebagai sangat mustahak kerana jawatankuasa pemilihan akan memilih 15 pesilat untuk membawa cabaran negara di sukan itu.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya akan mengutus surat minta perlepasan cuti lebih awal, bagi memastikan semua pelatih dapat menyertai latihan.

"Saya percaya selepas ini semua pesilat tidak akan menghadapi masalah cuti lagi. Saya meminta kerjasama semua majikan terbabit dapat meluluskan cuti kepada semua pesilat untuk mengikuti latihan penting ini," kata beliau.

Zakri, pemenang pingat perak Sukan SEA XIV di Jakarta itu, sedang mengikuti latihan rekrut polis sejak Februari lalu.

Sulaiman berkata: "Kita gembira dengan kerjasama Pegawai Memerintah PULAPAH yang bersedia melepaskan Zakri menjalani latihan nanti.

"Sebelum ini, kami menganggap terlalu sukar untuk mendapat khidmat pesilat itu setelah dipilih menjalani latihan rekrut," katanya.

Beliau berkata, Zakri perlu menunjukkan persembahan terbaik dalam latihan, Jun ini jika ingin terpilih mewakili negara di temasya sukan terbesar itu. Dia terpaksa bersaing dengan 'musuh' ketatnya, Ahmad Khusairi Ibrahim, yang juga dalam Kelas D.



■ ZAKRI IBRAHIM